



KENYATAAN AKHBAR

LEBIH RM2.6 JUTA DIPERUNTUKKAN KKDW UNTUK PROGRAM SANTUNI RAKYAT DI SEBANGAN, SARAWAK

SEBANGAN, 17 September – Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) memperuntukkan RM2.613 juta menerusi geran dan bantuan pada program Santuni Rakyat di Sebangan, Sarawak, hari ini.

Bantuan dan kemudahan kewangan berkenaan adalah di bawah program yang dilaksanakan oleh KKDW dan agensi di bawahnya.

Antara bantuan yang diperuntukkan menerusi FELCRA BERHAD adalah seperti:

- (a) Dua belas (12) projek Perlengkapan Kampung: Ameniti Sosial berjumlah RM1,580,000.
- (b) Empat Projek Perlengkapan Kampung: Premis Perniagaan bernilai RM120,000
- (c) Dua projek di bawah Program Pembangunan Kelestarian & Kemampanan Infrastruktur Pelancongan Desa.

Majlis Amanah Rakyat (MARA) pula menyerahkan RM10,000 secara `one off` menerusi Yayasan Pelajaran MARA berupa wang tunai RM100 seorang kepada 100 pelajar dari keluarga B40 dari SK Haji Bujang, Sebangan.

Selain itu, MARA juga menyalur kemudahan Pembiayaan Perniagaan sebanyak RM458,000 kepada dua penerima Skim Mudah Jaya (SpiM), seorang penerima Skim Pembiayaan Kontrak Ekspres (SpiKE) dan seorang penerima surat tawaran pembiayaan perniagaan bagi Skim SPiKE.

RM255,000 pula diserahkan MARA bagii Bantuan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) untuk baik pulih rumah dan bakul makanan melalui serahan plak dan bakul makanan sebagai simbolik pemberian bantuan rumah baik pulih kepada 15 penerima dari daerah Sebuyau melibatkan peruntukan sebanyak RM17,000 setiap rumah.

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) pula memberi geran berjumlah RM10,000 untuk kursus kemahiran `Quick Win` Variasi Bun dan pastri kepada 10 peserta.

Replika cek bantuan diserahkan kepada penerima oleh Timbalan Perdana Menteri dan Menteri KKDW Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Program Santuni Rakyat ini bertujuan mengeratkan silaturahim antara pemimpin dan masyarakat melalui program kemasyarakatan, inisiatif dan bantuan langsung kepada masyarakat dalam usaha mewujudkan kesejahteraan yang lebih baik bagi seluruh komuniti luar bandar dan mengurangi kesenjangan sosial.

Hadir sama di majlis berkenaan Timbalan Menteri KKDW Datuk Rubiah Hj Wang dan Menteri Utiliti dan Komunikasi Sarawak yang juga Adun Sebuyau Datuk Haji Julaihi Haji Nurawi.

- TAMAT-

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
17 September 2023